

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 50)

26 OCT 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN
: ATIQULLAH
KAWASAN : KUBANG KERIAN
TARIKH : 26 OKTOBER 2016, RABU

SOALAN:

YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan nama syarikat yang sedang menjalankan projek pembinaan lebuhraya yang menghubungkan antara Machang ke Gua Musang, di negeri Kelantan dan sudah berapa peratuskah pelaksanaannya sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina dan menaik taraf laluan Machang ke Kuala Krai ialah merupakan sebahagian daripada skop Projek Central Spine Road (Kota Bharu – Kuala Krai – Gua Musang – Lipis – Raub – Bentong).

Berdasarkan perancangan kementerian ini, laluan Machang – Kuala Krai (30.8km) merupakan sebahagian skop Projek Menaik Taraf Jalan Kota Bharu – Kuala Krai (Fasa 3). Fasa ini masih belum dilaksanakan dalam skop Projek Central Spine Road dan ia

memerlukan kelulusan daripada Agensi Pusat dan juga perundingan dengan Kerajaan Negeri Kelantan. Ini kerana laluan fasa 3 itu bertindih atau selari dengan skop projek Lebuhraya Rakyat yang sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri Kelantan.

Sehubungan itu pelaksanaan laluan berkenaan adalah tertakluk kepada hasil perbincangan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan, dan juga kelulusan peruntukan kewangan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 26 OKTOBER 2016
SOALAN :

YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah peratusan doktor pelatih yang gagal semasa 2 tahun dalam latihan, apakah sebabnya dan apakah tindakan Kerajaan untuk membantu mereka setelah banyak masa dan wang telah dibelanjakan untuk lulus dalam kursus perubatan baik di dalam Negara atau luar Negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara purata dianggarkan hanya 1.2 peratus dari semua jumlah terkumpul doktor pelatih tidak menamatkan latihan siswazah dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan menamatkan latihan siswazah disebabkan beberapa faktor iaitu masalah kompetensi, perletakan jawatan, ditamatkan perkhidmatan atas sebab ketidakhadiran atau tatatertib.

Selain itu, terdapat juga doktor pelatih yang perlu dilanjutkan latihan siswazah melebihi tempoh dua (2) tahun. Perlanjutan pegawai berkenaan disebabkan oleh masalah kesihatan, cuti dengan kebenaran seperti cuti bersalin, cuti tanpa gaji dan cuti menjaga anak.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang prihatin dan membantu doktor pelatih atau Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) supaya lulus latihan siswazah menerusi pelbagai tindakan seperti berikut:

1. Tempoh kursus induksi telah dipanjangkan dari satu (1) minggu ke dua (2) minggu, bagi membantu PPS memahami kerja mereka di mana minggu pertama meliputi aspek-aspek am kerajaan, pengurusan cuti dan tatacara kehadiran, manakala pada minggu ke dua pula adalah sesi modul latihan klinikal;
2. Tempoh latihan siswazah dipanjangkan daripada satu (1) tahun kepada dua (2) tahun mulai 2008 supaya PPS lebih kompeten;
3. Bilangan disiplin dalam latihan siswazah telah dipertingkatkan daripada tiga (3) posting kepada enam (6) posting yang boleh di pilih daripada sembilan (9) posting;
4. Bilangan Hospital Latihan Siswazah juga telah dipertingkatkan daripada 38 buah hospital pada tahun 2009 kepada 44 buah hospital pada masa sekarang;
5. Sistem bekerja atas panggilan (*on-call*) (dengan izin) yang memerlukan PPS bertugas 90-120 jam seminggu telah ditukar kepada sistem waktu bekerja flexi. Sistem waktu bekerja flexi diperkenalkan mulai September 2011 dan telah dimodifikasi pada

tahun 2014 di mana waktu bekerja PPS dikurangkan kepada purata 65-75 jam seminggu berbanding sistem *on call* (dengan izin) yang terdahulu bagi memantapkan latihan PPS dan menyelaraskan waktu bekerja PPS;

6. Buku log bagi PPS telah dikemaskini bagi meningkatkan kualiti latihan PPS dan peranan pakar penyelia dalam membimbing PPS telah ditingkatkan; dan
7. Penubuhan Jawatankuasa latihan Siswazah di peringkat Jabatan, peringkat Hospital dan Negeri bagi memantau pelaksanaan program latihan siswazah di setiap Hospital Latihan Siswazah.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : RABU, 26 OKTOBER 2016

RUJUKAN : L4 [PR-1343-L76518]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah projek rumah mampu milik WP yang telah dibina atau sedang dalam pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, setakat ini sebanyak 5 projek rumah mampu milik yang **telah dibina atau siap** melibatkan sejumlah 3,346 unit di Wilayah Persekutuan. 3 projek adalah di Kuala Lumpur melibatkan sejumlah 900 unit RUMAWIP di Bandar Seri Permaisuri dan PPR yang dibuat jualan baru iaitu di Jinjang, Kepong sebanyak 1,600 unit dan di Bukit Jalil sebanyak 632 unit. 2 projek adalah di Labuan sebanyak 214 unit keseluruhannya.

Bagi projek-projek **yang sedang dalam pembinaan** pula, sebanyak 31 projek sedang dalam pembinaan yang melibatkan sejumlah 22,422 unit. Projek-projek ini dijangka siap antara tahun 2016 sehingga 2019.

Sebagai makluman juga, Program RUMAWIP di Wilayah Persekutuan ini turut merangkumi projek PPA1M. Secara keseluruhan, sebanyak 12,984 unit melibatkan 22 projek berada di peringkat sedang dibina di bawah Program RUMAWIP manakala Program PPA1M pula adalah sebanyak 9,438 unit dengan 9 projek keseluruhannya.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan projek yang telah dibina dan sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 25,768 unit membabitkan 36 projek.

SOALAN NO. 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]

TARIKH : 26 Oktober 2016 (RABU)

SOALAN :

DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah rumah orang tua di Malaysia yang di bawah jagaan kerajaan dan di bawah kendalian Pertubuhan Sukarela Kebajikan mengikut negeri. Berapakah bajet tahunan kerajaan untuk membantu golongan tua dan untuk perkhidmatan-perkhidmatan seperti di atas.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada warga emas di 9 buah Rumah Seri Kenangan (RSK)

Senarai RSK adalah seperti berikut:

- 1) RSK Kangar (Perlis);
- 2) RSK Bedong (Kedah);
- 3) RSK Taiping (Perak);
- 4) RSK Ulu Kinta (Perak);
- 5) RSK Cheras (Selangor);
- 6) RSK Seremban (Negeri Sembilan) sedang dinaik taraf;
- 7) RSK Cheng (Melaka);
- 8) RSK Johor Bahru (Johor); dan

9) RSK Taman Kemumin (Kelantan).

Pada tahun 2015, Kerajaan telah peruntukan sebanyak **RM31,124,705.00** bagi perbelanjaan mengurus RSK berkenaan dan pada tahun 2016, sebanyak **RM31,171,846.00**.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga memberikan Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan kepada kumpulan sasar JKM iaitu Warga Emas.

Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM.

Pada tahun 2016, sebanyak **22** buah PSK yang mengendalikan Rumah Orang Tua telah menerima Bantuan Kewangan daripada

kerajaan berjumlah **RM3,426,705.00** dengan perincian seperti berikut:

Negeri	Juml. PSK	Jum. Bantuan (RM)
1) Kebangsaan	3	- RM2,298,441.00
2) Kedah	1	- RM20,000.00
3) Pulau Pinang	4	- RM340,300.00
4) Perak	2	- RM150,300.00
5) Selangor	6	- RM249,800.00
6) Johor	2	- RM113,684.00
7) Pahang	1	- RM110,000.00
8) Terengganu	2	- RM138,180.00
9) Kelantan	1	- RM6,000.00
Jumlah	22 :	- RM3,426,705.00

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 26.10.2016

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah aduan yang diterima setiap tahun sejak 2010 dimana guru-guru didakwa mencabul murid-murid dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang dituduh juga tindakan yang telah diambil terhadap seorang guru di Hulu Selangor yang didakwa mencabul sekurang-kurangnya sembilan orang pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 15 kes cabul yang melibatkan guru dan murid telah dilaporkan sehingga Oktober 2016. Bagi setiap kes yang dilaporkan, pihak sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut prosedur sedia ada KPM seperti berikut :

- a) Memindahkan guru tersebut ke daerah lain.
- b) Guru tersebut diletakkan di bawah pemantauan dan seliaan Kaunselor JPN.

- c) Murid-murid yang terlibat diberi sesi kaunseling oleh kaunselor sekolah dan
- d) JPN akan mengambil tindakan tatatertib terhadap guru tersebut setelah mendapat keputusan pihak mahkamah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes seorang guru di Hulu Selangor yang didakwa mencabul beberapa orang murid, guru tersebut telah dipindahkan ke sekolah lain dan diletakkan di bawah pemantauan PPD dan JPN. Pihak KPM juga akan bekerjasama rapat dengan pihak PDRM untuk menyelesaikan kes tersebut mengikut undang-undang sedia ada.

RJM17